



---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **Pengurusan Pandemik Di Wilayah Persekutuan “SUSTAINING LIVES AND LIVELIHOOD: 3K”**

**YB Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim**, Menteri Wilayah Persekutuan merangkap Pengerusi Pusat Peyelarasan dan Pengurusan COVID-19 Wilayah Persekutuan atau lebih dikenali sebagai Jawatankuasa COVID-19 *Coordination and Management Committee* (CCMC) peringkat Wilayah Persekutuan akan meneruskan hala tuju Pengurusan Pandemik di Wilayah Persekutuan berteraskan kepada konsep **“SUSTAINING LIVES AND LIVELIHOOD: 3K”**.

Konsep 3K ini lebih tertumpu kepada aspek **Keselamatan, Kesihatan Awam dan Kesejahteraan Ekonomi Masyarakat** khususnya di Wilayah Persekutuan. Melalui pendekatan dalam mengekalkan dan mengimbangi *Lives and Livelihood* tersebut, semua agensi di Wilayah Persekutuan akan memberi fokus secara bersepadu terhadap :

- a. **Mewujudkan dimensi baharu elemen penguatkuasaan** yang bukan sahaja melibatkan tindakan agensi penguatkuasaan semata-mata namun begitu, peranan proaktif komuniti dalam **penguatkuasaan sendiri** hendaklah diperkasakan;
- b. **Mempersiapkan warga Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk beralih ke Fasa Kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN)** termasuklah memperkasakan suasana budaya norma baharu dalam rutin kehidupan masyarakat ke arah Fasa Endemik COVID-19 (normalisasi); dan

- c. **Memacu dan merancakkan semula sektor ekonomi di Wilayah Persekutuan** khususnya kepada golongan yang terjejas, yang mana CCMC Wilayah Persekutuan akan mengangkat cadangan untuk pembukaan lebih banyak sektor ekonomi yang terkesan ke peringkat Pusat.

Di samping itu, Kerajaan sedang dalam pertimbangan **peralihan ke Fasa 2 bagi negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya dan diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** dengan mengambil kira kadar vaksinasi populasi dewasa dan trend penurunan kes harian jangkitan COVID-19 serta mengharapkan supaya pelaksanaan **program vaksinasi bagi remaja berumur 18 tahun khususnya di Wilayah Persekutuan diberikan keutamaan melalui program rintis**. Namun begitu, ianya tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan pihak KKM dan MOSTI.

Selain itu, cadangan pembukaan sektor pelancongan di Wilayah Persekutuan merupakan antara fokus yang akan diangkat ke peringkat Pusat oleh Jawatankuasa CCMC WP.

Penubuhan CCMC WP ini merupakan cetusan idea daripada **YB Tan Sri TPr Hj. Annuar Musa**, mantan Menteri Wilayah Persekutuan semasa beliau menggalas tugas sebagai Pengerusi CCMC WP dan kini YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim akan meneruskan inisiatif tersebut melalui konsep 3K.

---

**Pusat Peyelarasan dan Pengurusan COVID-19 Wilayah Persekutuan (CCMC)**  
**03 September 2021**